

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM MESRA
Lokasi : RUMAH MALAYSIA
Tarikh : 20-03-1983

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam mesra.

Ampun Tuanku, Beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun.

Patek, bagi pihak semua Pasukan Badminton, ingin menyembahkan junjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, kerana sudi meraikan patek semua di Majlis ini, bersempena dengan perlawanan persahabatan badminton selama dua hari di Istana Negara.

2. Patek juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ke Bawah Duli Tuanku kerana telah menggalakkan patek semua bersukan. Walaupun pada keseluruhannya, patek semua merupakan pemain-pemain yang sederhana sahaja, perlawanan persahabatan ini memberi peluang kepada patek semua membaiki lagi permainan badminton, sambil menjalinkan hubungan persahabatan yang rapat antara satu dengan lain, terutama sekali dengan Ke Bawah Duli Tuanku sendiri. Kesudian Ke Bawah Duli Tuanku menyediakan dewan badminton Istana Negara untuk digunakan oleh persatuan-persatuan patek semua, serta dengan penyediaan makanan ringan dan minuman, patek semua merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

3. Patek, bagi pihak patek sendiri, ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Ke Bawah Duli Tuanku kerana telah menanggungkan perlawanan persahabatan ini dari 12hb. Mac kepada 19hb. dan 20hb. Mac bagi memberi peluang kepada patek menyertai perlawanan persahabatan ini, setelah balek dari luar negeri pada malam 18hb. Pertukaran ini membolehkan peserta-peserta lain berlatih dengan rancak lagi, malahan peserta yang ini cuma makan minum dan berihat sahaja. Atas perkenan Ke Bawah Duli Tuanku menanggungkan perlawanan ini bagi memberi peluang kepada patek menyertainya, patek, dengan segala rendah diri, ingin menjunjung kasih atas pertimbangan itu.

Ampun Tuanku, Patek mohon berucap sedikit kepada para hadirin.

Ampun Tuanku.

Yang Di Pertua Persatuan-Persatuan, Ketua-Ketua Pasukan, Peserta-Peserta Badminton dan Jurulatihjurulatih, Tetamu yang dihormati sekalian.

4. Kita bersyukur kepada Allah Subhanu Wataala kerana perlawanan ini telah berjalan dengan selamat dan jayanya. Sudah menjadi adat dan lumrah dunia, yang setiap pasukan mengharapkan kejayaan,

tetapi hanya satu pasukan sahaja yang menjadi juara. Yang kalah sepatutnya turut berbangga kerana sempat bersama-sama menyertai perlawanan ini. Yang paling penting ialah peluang untuk kita semua bergaul rapat, bermesra disamping bagi kita berpeluh untuk kesihatan badan. Saya perhatikan terdapat beberapa peserta, atau pasukan, yang siang-siang lagi mengaku kalah akibat dari "psychological warfare" dari pasukan-pasukan yang "terror" sedikit. Mungkin pasukan-pasukan yang kalah kali ini dapat menyusun latihan secara senyap-senyap supaya memeranjatkan pasukan-pasukan lain di perlawanan akan datang. Tidak dinafikan bahawa kita semua sungguh gembira sepanjang perlawanan persahabatan dua hari ini, bukan sahaja gembira melihat telatah setiap pemain, bahkan juga melihat telatah penyokong-penyokong dan tetamu-tetamu perlawanan persahabatan ini.

5. Bagi pihak semua pasukan-pasukan tetamu di perlawanan ini dan saya sendiri, saya ingin mengucapkan syabas kepada pasukan yang menjadi johan Perlawanan Persahabatan Badminton ini. Saya berharap pasukan-pasukan lain akan memberi tentangan yang lebih hebat lagi di perlawanan akan datang, dan lebih banyak lagi Pasukan Badminton Wanita akan bertanding kelak. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi mengaturkan perlawanan ini, terutama jurulatih-jurulatih, pengadil-pengadil dan penjaga-penjaga garisan, dan tidak ketinggalan juga pihak Istana Negara, yang menguruskan mesyuarat-mesyuarat dan lain-lain.

Ampun Tuanku,

6. Sekali lagi patek menjunjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku kerana meraikan patek semua di majlis Jamuan Makan Malam ini, serta memberi segala kemudahan dan galakan untuk patek semua aktif dalam bidang sukan, terutamanya badminton.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.